

Pasukan khas jejak tiga suspek dera budak 5 tahun

Jempol: Lari bersembunyi selepas tindakan kejam mendera anak saudara berusia lima tahun hingga cedera teruk terbongkar.

Itu tindakan tiga individu membabitkan seorang lelaki dan dua wanita yang didapati menghilangkan diri selepas mengetahui laporan polis sudah dilakukan terhadap mereka.

Difahamkan kanak-kanak perempuan itu didera bapa dan ibu saudaranya sejak

Mei lalu dipercayai menggunakan objek panas selain dipukul di seluruh tubuh.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang Hook, berkata, mangsa dijaga suspek dengan upah sebanyak RM300 sebulan berikutan ibunya bekerja di Johor.

Menurutnya, mangsa bagaimanapun berjaya diselamatkan oleh ibu saudara kepada ibu mangsa yang menyedari kanak-kanak berke-

naan didera.

Katanya, siasatan mendapati terdapat kesan melecur, lebam, luka, parut dan kecederaan lain pada keseluruhan badan mangsa.

“Mangsa kini dirawat di Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dan kes sudah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Jempol.

“Ibu mangsa membuat laporan polis kejadian yang menimpa anaknya pada 27

Julai lalu,” katanya, semalam.

Hoo berkata, bagaimanapun ketiga-tiga suspek iaitu seorang lelaki dan dua wanita dipercayai sudah menghilangkan diri.

Menurutnya, individu cuba dikesan polis adalah R Guna

Silan, 42, K Nagemah, 41, dan G Nisha, 21, masing-masing

beralamat di Taman Seri Mahsan, Jempol.

Hoo berkata, polis menuhkan pasukan khas untuk mengesan ketiga-tiga individu berkenaan bagi siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat untuk tampil membantu siasatan.



“
**Siasatan
mendapati
terdapat kesan
melecur, lebam,
luka, parut**
Hoo